



SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

LAKE CABIN TARIKAN BAHARU DI PIT STOP ANJUNG FLORIA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 24 MEI 2022 – Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato’ TPr. Fadlun Bin Mak Ujud melancarkan *Lake Cabin* di Pit Stop @ Anjung Floria bertempat di Presint 4, Putrajaya.

Turut hadir ialah Pengurus Trillion Gold Peak Sdn Bhd, YBhg. Dato’ Wira SM Faisal SM Nasimuddin dan Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, YBrs Lar. Aziz Bin Buang.

LAKE CABIN DI PIT-STOP @ ANJUNG FLORIA PUTRAJAYA

Lake Cabin merupakan sebuah premis kedai menyewa, menjual dan membaiki basikal serta peralatan berkaitan basikal dan juga sebuah kafe yang terletak di Pit-Stop @ Anjung Floria yang merupakan lokasi Mula & Tamat bagi Putrajaya Cycling Route (PCR). Premis yang pertama seumpamanya di Putrajaya ini akan beroperasi pada setiap hari bermula jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam.

Lake Cabin bermatlamat untuk menjadi nilai tambah kepada pembangunan Putrajaya sebagai bandar rekreasi dengan menawarkan kemudahan, ruang dan peluang kepada warga Putrajaya melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal sebagai aktiviti rekreasi pilihan mereka.

Kedai basikal Qayoh di *Lake Cabin* menyediakan perkhidmatan sewaan, jualan dan servis basikal dan akan menjadi pusat penganjuran sebarang aktiviti berkaitan basikal yang akan dianjurkan pada masa hadapan, sekali gus memeriahkan lagi ruang rekreasi di Putrajaya.

Selain itu, *Lake Cabin* juga bermatlamat untuk merancakkan aktiviti ekonomi setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada belia Putrajaya terutamanya mereka yang meminati aktiviti berbasikal dan juga budaya kafe.

Dengan adanya sebuah kafe di lokasi yang sama, tarikan *Lake Cabin* akan lebih menonjol dalam kalangan warga Putrajaya yang menggemari budaya kafe dan

bersantai. Kerjasama antara pengurusan *Lake Cabin* bersama kedai kopi BOXKL akan menarik minat penggemar kafe kopi dari Kuala Lumpur untuk datang bersantai di Putrajaya.

Pembukaan *Lake Cabin* adalah satu lagi inisiatif oleh YBhg. Dato' Wira SM Faisal SM Nasimuddin di bawah payung #FNInitiative, di mana kerjasama dan perkongsian dijalin secara strategik bersama entiti terbaik daripada pelbagai industri untuk menambah nilai, mencipta peluang dan membuka potensi pertumbuhan.

#FNInitiative memupuk pertumbuhan di bawah tiga teras, iaitu kerjasama/perkongsian, keusahawanan sosial, dan pertumbuhan individu/kolektif. *Lake Cabin* adalah contoh semangat ini menerusi kerjasama dan perkongsian dengan usahawan-usahawan muda dan berbakat dari BOX Kuala Lumpur dan Plan A, di mana kedua-duanya adalah entiti popular di dalam industri F&B dan rekreasi hari ini.

Premis *Lake Cabin*, perniagaan yang dilaksanakan dan juga aktiviti rekreasi yang bakal dilaksanakan diharapkan akan dapat menambahkan lagi daya tarikan Putrajaya sebagai sebuah bandaraya rekreasi yang dinamik dan moden untuk segenap lapisan masyarakat. Matlamatnya adalah untuk menjadikan Putrajaya bukan sahaja dikenali sebagai pusat pentadbiran negara, tetapi juga sebagai sebuah persinggahan rekreasi yang menawarkan pelbagai daya tarikan yang lain.

Bersempena dengan pelancaran *Lake Cabin* ini, diskaun sebanyak 15% akan ditawarkan ke atas hidangan makanan dan minuman di BOXKL, *Lake Cabin* kepada semua pengunjung bermula 27 Mei 2022 sehingga 2 Jun 2022.

Lake Cabin bercadang untuk menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti rekreasi pada masa akan datang mempopularkan nama Pit-Stop @ Anjung Floria sebagai destinasi persinggahan rekreasi utama bukan sahaja untuk warga Putrajaya, tetapi untuk segenap lapisan Keluarga Malaysia.

(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Mei 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.